ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai persepsi pelajar tentang peranan rakan sebaya dalam mempertingkat pencapaian akademik mereka. Instrumentasi kajian yang digunakan adalah soal selidik. 2 set soal selidik telah digunakan. Set A diisi oleh pelajar, terdiri daripada 21 soalan dalam 3 bahagian. Manakala set B yang diisi oleh fasilitator mengandungi 19 soalan dalam 3 bahagian.

Lima soalan yang pertama merupakan soalan isi tempat kosong dan soalan-soalan yang lain mengandungi 5 pilihan mengikut skel Likert. Sampel kajian terdiri daripada 120 pelajar tingkatan 2 yang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang, Negeri Selangor Darul Ehsan. Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis dengan program *Statistical Package Social Science (SPSS)*, jadual silang *(cross-tabulation)* dan ujian khi kuasa dua *(chi-square test)*.

Hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju bahawa rakan sebaya dapat membantu mereka dalam mempertingkat pencapaian prestasi akademik mereka. Kebanyakan fasilitator juga bersetuju bahawa modul latihan yang digunakan amat berfaedah kepada mereka.

The Role of Peer Groups in Improving Academic Achievement of Form Two Students of Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang

ABSTRACT

This study was carried out to evaluate students' perception of the role of peer tutoring in improving their academic achievement.

The research instrument was the questionaire which included 2 sets of questions. Set A answered by the students consists of 21 questions and devided into 3 groups. Set B answered by the fasilitators consists of 19 questions and devided into 3 groups also.

All questions contained answers of 5 options based to the Likert scale. The sample comprised of 120 form two students of Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang, Negeri Selangor Darul Ehsan. Data collected was analysed with the use of *Statistical Package Social-science (SPSS),* cross tabulation and *chi-square test.*

Results of the study showed that majority of the students agreed that peer tutoring did help them performed better academically. Most facilitatiors too, agreed that the modul used to train them was beneficial.